

LAPORAN INOVASI KUMPULAN E-TEN

JABATAN PENGUAT KUASA
MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

1. RINGKASAN EKSEKUTIF

Kreativiti dan inovasi adalah dua perkara yang sangat diperlukan dalam semua bidang kehidupan manusia termasuk bidang pekerjaan. Kedua-dua elemen ini memberikan impak yang besar kepada sesebuah organisasi. Produk inovasi ini dicipta bagi memudahkan kerja-kerja dilapangan supaya lebih efisien. Melalui kaedah “brainstorming” kumpulan, kami mengenalpasti masalah yang sering berlaku dan mencipta produk baru yang diberi nama INO22 yang akan mewakili Jabatan Penguat kuasa untuk projek inovasi kali ini.

Lambakan iklan yang diturunkan dan tidak teratur dalam kenderaan Penguat kuasa menyebabkan tercetusnya idea untuk menghasilkan satu produk yang dinamakan INO22. INO22 adalah alat untuk menggulung iklan (gegantung/kain rentang) yang telah diturunkan supaya lebih kemas dan memudahkan penyimpanan. Produk ini boleh digunakan sama ada dilapangan ataupun semasa penyimpanan di setor. Selain kekemasan dan memudahkan penyimpanan, iklan (gegantung/kain rentang) yang telah digulung rapi akan memudahkan proses dari segi tuntutan dan pelupusan.

INO22 telah dipraktikkan bermula Mei 2022 dan mendapat maklumbalas yang baik di Jabatan Penguat kuasa. Peningkatan kualiti kerja turut mendapat perhatian daripada pengurusan Jabatan Penguat kuasa dari kerja yang bersepah dan tidak teratur kepada ruang muatan yang lebih lapang dan iklan yang lebih tersusun. Produk ini juga menjadikan anggota pekerja yang mempraktikkan budaya kekemasan dan penyusunan yang lebih baik.

2. PENGLIBATAN PIHAK PENGURUSAN

2.1 Pengenalan Kumpulan

E-TEN ditubuhkan pada Mac 2022. Kumpulan ini mewakili Jabatan Penguat kuasa, MPKS untuk ke Pertandingan Inovasi Peringkat Majlis Perbandaran Kuala Selangor bagi tahun 2022. Kumpulan E-TEN mendapat Johan pada pertandingan tersebut.

2.1.1 Nama Kumpulan

“E – TEN”

2.1.2 Senarai Ahli Kumpulan


Kumpulan ini terdiri daripada 10 orang ahli dari anggota di Jabatan dan ahli-ahli kumpulan adalah seperti berikut :

Fasilitator :Puan Norfilzah binti Latif
Penolong Pegawai Penguat kuasa
Jabatan Penguat kuasa, MPKS

Ketua Kumpulan :KUP Regnawati binti Moelgo
Pembantu Penguat kuasa
Jabatan Penguat kuasa, MPKS

BIL	NAMA	NO KAD PENGENALAN	JAWATAN
1.	Kup. Regnawati binti Moelgo	810604-10-5108	Ketua
2.	Pk. Nur Azrine binti Mohd Aziz	861217-43-5086	Setiausaha
3.	Pk. Fauzi bin Aziazan	790112-10-5173	Bendahari
4.	Insp. Shahril bin Tomaran	770124-10-5543	Ahli
5.	Pk. Abd. Saatar bin Mohamed Amzah	831029-10-5437	Ahli
6.	Pk. Muhammad Shafiq bin Dzulhanif	910115-10-6175	Ahli
7.	Pk. Muhammad Izral bin Ramlan	911016-05-5469	Ahli
8.	Pk. Maizatul Rohha binti Ahmad	920318-10-5438	Ahli
9.	Pk. Abd. Halim bin Saifullah	910405-10-5533	Ahli
10.	Pk. Afiq Fais bin Mohd Faizal	970811-10-6325	Ahli

2.1.3 Carta Organisasi Kumpulan




2.1.4 Logo Kumpulan



2.1.5 Motto Kumpulan

“KEEP MOVING”

2.2 Nama Projek / Inovasi



Gambar 1 : Produk INO22

INO22 merupakan alat penggulung iklan (gegantung/kain rentang) bersaiz 114cm panjang. Ianya dicipta bersama meja mudah alih bersaiz 46cm x 46cm yang mudah dibawa dan dikendalikan. INO22 dapat menggulung iklan (gegantung/bunting) untuk pelbagai saiz dari saiz 1' x 2' sehingga 2' x 6'.

Penghasilan INO22 hanya memerlukan **kos sebanyak RM 152.00 sahaja**. Kos pembuatan produk dapat dijimatkan kerana kumpulan kami menggunakan sumber kitar semula seperti khemah, zink dan papan lapis terpakai.

INO22 dicipta bagi membantu proses kerja menjadi lebih cepat dan teratur. Ini secara tidak langsung dapat mengurangkan aduan dan pemasangan kain rentang yang tidak mempunyai permit yang boleh menyebabkan kacau ganggu kepada penduduk dan orang awam.



Gambar 2 : Produk INO22 (penambahbaikan)

Pada Januari 2023, E-TEN telah menambahbaik produk INO22 dengan menambah kelebaran diameter pada produk supaya dapat memuatkan gulungan yang lebih besar. Selain itu, produk yang sebelum ini digunakan secara manual ditambah baik penggunaan secara automatik. Motor ditambah untuk memusingkan shaft (butang maju dan mundur – untuk mengawal kelajuan shaft). Produk ini juga masih boleh digunakan secara manual.

INO22 tidak lagi menggunakan meja seperti sebelum ini. Produk ditambahbaik dengan kaki yang boleh dilaras semasa penggunaannya. Tambahan lagi, produk boleh digunakan terus di atas lori dengan menggunakan alat tambahan (bracket). Kerja-kerja menggulung boleh dilakukan terus dilapangan, ianya dapat menjimatkan masa dan tenaga. Kos pembuatan keseluruhan produk INO22 setelah penambahbaikkannya hanya **RM220.40** sahaja.

2.3 Bidang dan Ketogori Projek

Penyampaian perkhidmatan dan penciptaan

2.4 Sokongan dan kelulusan pihak pengurusan tertinggi setiap agensi terlibat

E-TEN telah mendapat sokongan daripada Puan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Selangor bagi melaksanakan projek ini pada Ogos, 2022.




Gambar 3 : Surat sokongan dan kelulusan pengurusan tertinggi

3. SIGNIFIKASI PROJEK DAN PEMBUKTIAN

3.1 Kaitan dengan fungsi utama jabatan / organisasi

Jabatan Penguat kuasa mementingkan pencapaian Sasaran Kerja Tahunan yang telah dirancang pada setiap tahun. Antaranya penguatkuasaan terhadap pemasangan iklan (gegantung/kain rentang) di tempat awam. Berdasarkan laporan bulanan, jumlah penurunan iklan (gegantung/kain rentang) dan data aduan yang diterima semakin meningkat dari masa ke semasa.

Berikut merupakan Undang-Undang Kecil, MDKS yang digunapakai bagi kesalahan larangan mempamerkan iklan tanpa lesen.



Gambar 4 : UUK 7, Undang-Undang Kecil Iklan (MDKS) 2007

“Tiada seorang pun boleh mempamerkan iklan tanpa lesen yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa melesen di bawah undang-undang kecil ini.

Oleh yang demikian, Jabatan Penguat kuasa menambahbaik proses kerja dilapangan supaya menjadi lebih cepat dan teratur. Ianya selaras dengan visi serta misi MPKS iaitu “Perbandaran Lestari Masyarakat Sejahtera” didalam menyediakan **persekitaran Perbandaran yang kondusif** bagi pembangunan ekonomi hijau, **pemeliharaan alam sekitar**, warisan sejarah dan kehidupan berkualiti.

3.2 Memenuhi kehendak pelanggan dan pemegang taruh (stakeholder)

Jabatan Penguat kuasa cakna terhadap aduan dan penyelesaian pelanggan / penduduk di daerah Kuala Selangor. Pemasangan iklan (gegantung/kain rentang) haram (tidak mempunyai permit) yang dipasang / digantung di tempat yang tidak sesuai boleh menyebabkan kacau ganggu (menghalang pemandangan). Oleh yang demikian, dengan penciptaan produk INO22 ini anggota dapat melakukan tugas / operasi dilapangan dengan lebih cepat dan proses kerja yang lebih teratur. Masalah pemasangan iklan tanpa permit dapat diatasi dan ianya secara tidak langsung dapat memenuhi kehendak pelanggan / penduduk yang inginkan persekitaran hidup yang bersih dan harmoni.

Ianya juga dapat meningkatkan imej Majlis dan memberi kesan yang positif terhadap pemegang taruh iaitu Ahli Majlis kawasan dengan masyarakat setempat dalam memupuk ikatan dan hubungan baik.


3.3 Sejalan dengan agenda dan matlamat nasional

Jabatan Penguat kuasa di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Kuala Selangor peka dan menyokong agenda dan matlamat nasional. Sejalan dengan objektif “Dasar Pembangunan Nasional” yang memberi penekanan terhadap perpaduan Negara dari masyarakat yang bersatu padu dalam mengukuhkan kestabilan sosial, politik dan ekonomi Negara. DPN menetapkan satu langkah ke arah membolehkan Malaysia mencapai taraf sebuah negara yang maju dalam semua segi iaitu dari segi keadilan sosial, nilai, **etika dan moral**, kestabilan politik, **kualiti hidup, kecekapan pentadbiran kerajaan**, dan kecemerlangan ekonomi.

3.4 Kaitan dengan keadaan dan ekosistem semasa

Selaras dengan Pelan Strategik Majlis Perbandaran Kuala Selangor 2021–2025 yang memfokuskan kepada peningkatan imej Majlis bagi memberi gambaran baik kepada masyarakat. Ia merujuk kepada memberikan perkhidmatan yang cekap, berkualiti serta memastikan pelanggan menerima layanan yang mesra dan selesa sepanjang masa. Rasionalnya, kemajuan dan keharmonian penduduk di sesebuah kawasan adalah bergantung kepada kecekapan pentadbiran pimpinan dalam mengatur dan melaksanakan penyediaan dan penyelenggaraan infrastruktur yang diberikan. Pemasangan iklan (gegantung/bunting) tanpa permit yang boleh menyebabkan gangguan dan merosakkan pemandangan perlu segera di atasi.

Pemasangan iklan tanpa permit perlu ditangani dengan lebih proaktif. Ini kerana kebanyakan kain rentang yang tidak mempunyai permit adalah dari jenis iklan pinjaman wang tidak berlesen. Ini dapat mengelakkan penduduk dan orang awam terjebak dengan pinjaman Ah long yang mempunyai risiko seperti penindasan kepada peminjamnya. Menurut rekod dari Kementerian Dalam Negeri (KDN) bertarikh 28 Julai, 2022 sebanyak 506 kes penipuan pinjaman wang tidak berlesen atau ah long dalam tempoh 6 tahun pertama ini.



Gambar 5: Keratan Akhbar

3.5 Kaedah pemilihan projek dan analisis

Kumpulan kami menggunakan kaedah 5W1H bagi mengenalpasti permasalahan yang wujud di Jabatan Penguat kuasa.

STRATEGI	HURAIAN
What?	Pemasangan iklan haram yang semakin meningkat dantempat penyimpanan yang terhad
Who?	- Unit Iklan dan anggota penguat kuasa, MPKS - Penjaga Tempat Penyimpanan
Where?	- Dilapangan (kenderaan Unit Iklan) - Tempat Penyimpanan Iklan
When?	- Semasa tugas dilapangan - Semasa kerja penyusunan iklan di tempat penyimpanan
Why?	- Iklan yang bersepah (dalam kenderaan) - Ruang penyimpanan yang terhad - Menyukarkan proses tuntutan iklan (sekiranya ada)
How?	- Menjimatkan ruang - Penyusunan yang lebih teratur dan kemas - Memudahkan proses kerja selanjutnya (tuntutan dan pelupusan)

Kumpulan E- TEN juga menggunakan Langkah E.R.R.C dalam mengenalpasti permasalahan. Empat Langkah tersebut Eliminate, Reduce, Raise, Create (E.R.R.C) adalah seperti berikut:

Eliminate	Raise
Iklan yang bersepah dan tidak teratur	- Penggunaan penggulung Iklan INO22 - Meningkatkan mutu kerja
Reduce	Create
- Tempat yang bersepah - Ruang kerja yang sempit dan terhad - Mengkurangkan jumlah iklan yang tidak diturunkan - Pengurangan aduan berkenaan iklan yang tidak diturunkan	- Ruang kerja dan ruang simpan yang lebih teratur - Cara kerja lebih teratur - Cetusan idea baharu dengan penggunaan peralatan dari kitar semula

3.6 Penyataan Sasaran Outcome dan Impak

Produk ciptaan ini bertujuan untuk memudahkan dan melancarkan proses kerja penurunan iklan (gegantung/kain rentang) dan penyimpanan ketika dilapangan. Sasaran *outcome* lebih kepada Unit Iklan dan anggota yang terlibat dalam tugas penurunan iklan (gegantung/kain rentang). Maklumbalas dan respon yang diterima dari Unit Iklan, mereka berpuas hati dan yakin dengan penggunaan INO22 dapat menyelesaikan masalah iklan yang bersepah dan ruang kerja yang terhad. Secara tidak langsung, ianya dapat menghapuskan iklan yang bersepah di jalanraya.

Kumpulan E-TEN telah membuat perbincangan bersama-sama bagi menjana idea-idea kreatif dalam menyelesaikan isu dan permasalahan proses kerja ini. Borang kaji selidik secara dalam talian juga telah diedarkan bagi mendapatkan maklumbalas dari anggota Unit Iklan dan anggota lain secara rawak (yang terlibat dalam tugas penurunan kain iklan). Kajian menggunakan *google form* telah menunjukkan 81.8% dari 11 responden tidak berpuas hati dengan cara kerja serta penyelenggaraan ruang kerja dan iklan-iklan yang diturunkan. Berikut merupakan keputusan soal selidik yang telah dijalankan.

**KAJI SELIDIK
MASALAH RUANG
KERJA UNIT IKLAN
DI DALAM LORI**

azrine@mpks.gov.my (not shared)
Switch account


SOALAN-SOALAN YANG PERLU
DIJAWAB

S1 ADAKAH ANDA MENURUNKAN KAIN
RENTANG, GEGANTUNG DAN IKLAN
SETIAP HARI ?

☐ YA
☐ TIDAK

S2 ADAKAH IKLAN YANG DITURUNKAN
SETIAP HARI DALAM JUMLAH YANG
BANYAK ?

Gambar 6: Borang Kaji Selidik



Graf 1 : Adakah anda menurunkan kain rentang, gegantung dan iklan setia hari?



Graf 2: Adakah iklan yang diturunkan setiap hari dalam jumlah yang banyak?



Graf 3: Adakah iklan-iklan yang diturunkan memenuhi ruang kerja di dalam lori pada satu-satu masa?



Graf 4: Adakah anda menghadapi kesukaran dalam menguruskan iklan-iklan yang telah diturunkan?



Graf 5: Adakah ia memerlukan tenaga yang banyak untuk menyelenggara dan menyusun iklan-iklan tersebut?



Graf 6: Adakah ia melibatkan waktu kerja lebih masa?




Graf 7: Dalam proses tuntutan iklan, adakah anda menghadapi kesukaran untuk mencari iklan yang disimpan di dalam lori?



Graf 8: Secara keseluruhan, adakah anda berpuas hati dengan cara kerja anda menyelenggara ruang kerja dan iklan-iklan yang diturunkan?

4. TINDAKAN PENYELESAIAN

Menggunakan Kaedah Carta Perbatuan seperti di bawah :



4.1 Strategi Penyelesaian kreatif termasuk aplikasi penggunaan tools

Kumpulan E-TEN bersama Fasilitator melalui satu perbincangan (brainstorming) telah bersetuju untuk mencipta satu alat penggulung kain iklan INO22 bagi memudahkan kerja-kerja penurunan kain iklan di lapangan. Ini juga rentetan dari isu pemasangan kain iklan haram yang semakin berleluasa. Ahli kumpulan mendapatkan data dan mengkaji punca serta permasalahan yang wujud di lapangan daripada Unit Iklan dan mendapat respon positif.

4.2 Penghasilan dan Pengujian Prototaip

4.2.1. Penghasilan projek

Sebelum Inovasi

Iklan (gegantung/kain rentang) yang telah diturunkan terus dilonggokkan di dalam van atau lori menyebabkan ruang kerja menjadi terhad. Keadaan yang tidak teratur juga menyukarkan proses mengenal pasti iklan sekiranya terdapat tuntutan.

Selepas Inovasi

Anggota penguat kuasa dapat menyelesaikan tugas dan aduan dengan lebih cepat dan efisien. Dengan penggunaan INO22, proses kerja lebih teratur. Ini kerana, iklan (gegantung/kain rentang) dapat digulung serta disusun dengan kemas dan dapat menjimatkan ruang kerja (dalam lori).

Selain itu, impak penggunaan INO22 dapat dilihat pada peningkatan prestasi kerja kakitangan dan anggota dari proses kerja yang tidak membebankan dan keselesaan ruang kerja. Disamping, penyusunan yang teratur memudahkan pengiraan jumlah bagi penyediaan laporan harian penurunan iklan dan sekiranya ada tuntutan dibuat.

4.2.2. Pengujian prototaip

Pengujian prototaip dilakukan berulang kali bagi memastikan produk yang dihasilkan memenuhi objektifnya. Produk perlu lengkap dan mengikut spesifikasi disamping mesra pengguna serta selamat digunakan.

Terdapat beberapa perubahan dilakukan selepas pengujian dibuat seperti dibawah :

BIL	PENGUJIAN	PENAMBAHBAIKAN
1.	Saiz Flange Bearing Mount Menggunakan saiz flange bearing mount saiz 10mm Kurang cengkaman pada shaft semasa kerja-kerja menggulung bunting	Menggunakan saiz flange bearing mount lebih besar iaitu 20mm bagi menggantikan saiz yang lebih kecil sebelum ini. Ia bertujuan bagi menambahkan lagi kekuatan cengkaman pada shaft. Memudahkan proses penyelenggaraan.
2.	Saiz Roller Shaft Menggunakan saiz roller shaft bersaiz 4mm. Shaft mudah bengkok semasa kerja-kerja menggulung bunting	Saiz roller shaft juga telah ditukar kepada saiz 8mm. Ia bertujuan bagi menambahkan lagi kekuatan shaft supaya tidak mudah bengkok semasa menggulung bunting. Shaft juga lebih keras.

3.	 Rangka dawai yang terdedah boleh mencederakan pengguna	 Rangka produk ini di balut PU tube Ia bertujuan menambahkan faktor keselamatan semasa menggunakan produk ini, kerana terdapat sudut yang agak tajam. Produk juga nampak lebih kemas dan selamat untuk digunakan.
4.	Menggunakan <i>paddle</i> untuk kerja menggulung (secara manual). Menggunakan tenaga manusia sepenuhnya.	Menggunakan sistem bermotor 12v dan motor <i>speed controller</i> bagi mengawal kelajuan putaran shaft untuk lebih laju. Penggunaan bateri 12v yang boleh di cas semula.

4.2.3. Kumpulan E-TEN juga telah melakukan uji cuba bersama Unit Iklan



Gambar 7 : Ujian kaji cuba dilapangan

4.3 Pelaksanaan Inovasi

Perbandingan proses kerja sebelum dan selepas Inovasi


SEBELUM	SELEPAS
Hanya satu iklan (gegantung/kain rentang) boleh digulung secara manual dalam satu masa	Iklan (gegantung/kain rentang) boleh digulung untuk jumlah 2-3 helai dalam satu masa
Mengambil masa 15 saat pertama sehingga ke 30 saat masa seterusnya untuk kerja mengulung	Hanya memerlukan lebih kurang 7saat sahaja
Tidak konsisten kerana bergantung kepada tenaga kerja manusia sepenuhnya	Lebih konsisten dan menggunakan tenaga kerja yang minima
Terdedah kepada bahaya luka semasa kerja menggulung secara manual (dawai pada iklan)	Lebih selamat dan cepat
Memerlukan ruang penyimpanan yang besar (jika tidak digulung)	Tidak memerlukan ruang yang besar
Sukar dipantau dan dikenalpasti sekiranya terdapat tuntutan dari pemilik iklan	Mudah dipantau dan mempercepatkan pencarian sekiranya terdapat tuntutan dari pemilik iklan

KEBERHASILAN PROJEK

5. OUTCOME PROJEK DAN PEMBUKTIAN

5.1 Pencapaian Outcome dan Pembuktian

Keberhasilan penggunaan produk ini dapat dilihat pada kekemasan ruang kerja, iklan yang tidak bersepah, memudahkan pengiraan jumlah iklan bagi tujuan pelaporan dan peningkatan peratusan aduan diselesaikan. Outcome projek dan pembuktian adalah seperti berikut :



5.1.1. Penjimatan Ruang Kerja

INO22 menjadikan proses kerja yang lebih teratur dan kemas. Ruang kerja di dalam lori dapat dijimatkan. Ia secara tidak langsung membolehkan iklan haram dan tamat tempoh dapat diturunkan dengan lebih banyak. Penjimatan ruang kerja dapat dijimatkan lebih kurang 75% dari ruang lori bagi jumlah kuantiti yang sama. Bukti penjimatan ruang kerja adalah seperti dibawah:



Gambar 8: Perbandingan sebelum dan selepas

5.1.2. Penjimatan Masa

Penjimatan masa dapat diukur semasa kerja-kerja menggulung iklan (gegantung / kain rentang). Penggunaan INO22 hanya mengambil masa **7 saat sahaja** berbanding sebelum ini secara manual anggota mengambil masa lebih kurang **30 saat** untuk kerja-kerja menggulung. Pencapaian dan pembuktian dapat dilihat pada jadual dibawah:

AKTIVITI	MASA		
	Manual	INO22 (sebelum penambahbaik)	INO22 (automatik selepas penambahbaikan)
Sehelai kain rentang	30 saat	10 saat	7 saat
100 helai kain rentang	50minit	16.7 minit	11.7 minit
Anggaran penurunan 500 helai kain rentang / sehari	250 minit @ 4 jam 2 minit	83 minit @ 1 jam 23 minit	59 minit
Perbezaan penjimatan masa		167 minit @ 2jam 47 minit	24 minit

5.1.3. Penjimatan Tenaga Kerja

Penggunaan INO22 tidak memerlukan tenaga kerja yang banyak. Merujuk kepada cara lama sebelum penggunaan INO22, tenaga kerja manusia digunakan sepenuhnya untuk menggulung setiap helaian iklan yang diturunkan berbanding selepas penggunaan INO22 tenaga kerja manusia dapat diminimumkan.



Gambar 9: Cara Penggunaan produk

5.1.4. Penjimatan Tuntutan Bayaran Lebih Masa

Penggunaan INO22 dapat mengurangkan kadar tuntutan kerja lebih masa Jabatan kerana tugas dapat disiapkan dalam tempoh masa kerja hakiki. Anggota Unit Iklan tidak perlu membuat kerja lebih masa untuk kerja-kerja penurunan kain iklan (gegantung/kain rentang) selepas penggunaan INO22. Seperti sedia maklum, pemasangan kain iklan haram/ tidak mempunyai permit seperti cendawan tumbuh dan perlu sentiasa diberi perhatian. Bagi Unit Iklan yang perlu memantau di setiap kawasan di Daerah Kuala Selangor ianya memerlukan usaha lebih dan kerja lebih masa. Produk ini membantu proses kerja menjadi cepat dan teratur.

5.2 Faedah sampingan (luar jangka)

5.2.1. Peningkatan produktiviti

Penciptaan dan penggunaan INO22 yang lebih praktikal dan efisien menjadikan proses kerja menjadi mudah, cepat dan teratur. Ia dapat meningkatkan produktiviti anggota dalam membantu Jabatan mencapai objektifnya.

5.2.2. Peningkatan Kepuasan Pelanggan

Tahap kepuasan pelanggan menjadi pengukur kejayaan sesebuah inovasi. Pelanggan bagi produk INO22 adalah Unit Iklan di Jabatan Penguat kuasa, MPKS. Kepuasan pelanggan dapat diukur dan dilihat dari penjimatan ruang kerja dan kekemasan susun atur iklan. Selain itu, jumlah penurunan iklan yang meningkat serta maklumbalas positif dari testimoni yang diterima daripada Unit Iklan.

5.2.3. Hasil Jangka Panjang

Kumpulan E-TEN akan menambahbaik produk yang dihasilkan dari masa ke semasa dan bercadang untuk menawarkan dan meluaskan penggunaan produk INO22 ke jabatan/ agensi / PBT lain serta sektor swasta.


6. IMPAK PROJEK DAN PEMBUKTIAN

6.1 Penilaian Impak dan pembuktian

6.1.1 Impak kepada Jabatan

Impak penilaian produk INO22 dapat dilihat pada laporan bulanan tugas Unit Iklan. Ini kerana ruang kerja yang lebih tersusun membolehkan jumlah kuantiti kain iklan diturunkan. Perbandingan jumlah penurunan kain iklan meningkat selepas menggunakan produk INO22 seperti graf di bawah :

Jumlah Penurunan Iklan Selepas Penggunaan INO22



Laporan Unit Iklan

Sumber: Unit Pengurusan, Jabatan Penguat kuasa MPKS

Graf menunjukkan peningkatan ketara jumlah penurunan kain iklan pada Laporan Bulanan Unit Iklan pada bulan Mei sehingga Disember 2022 dan bulan Januari, Februari dan Mac 2023 selepas menggunakan produk INO22. Ini kerana proses kerja yang lebih cepat dan sistematik. Penyediaan ruang kerja yang lebih luas, memudahkan iklan diturunkan dan dikumpul dengan lebih banyak.

6.1.2. Impak kepada orang awam dan persekitaran

Penggunaan INO22 bukan sahaja memberi impak positif kepada Jabatan malahan kepada orang awam dan persekitaran. Kain Iklan (gegantung/kain rentang) yang diturunkan dalam kadar segera dapat mengelakkan kacau ganggu penglihatan yang boleh menyebabkan kebarangkalian kemalangan terjadi kerana pemasangan iklan yang tidak teratur seperti di simpang masuk jalan, tiang lampu isyarat dan tiang lampu jalan.

Kain iklan (gegantung/kain rentang) yang tidak diselenggara dengan baik dan lusuh boleh mencacatkan pemandangan dan persekitaran. Sebagai contoh, iklan yang digantung di pokok-pokok, bangunan dan tepi-tepi dinding bangunan.

6.2 Faedah sampingan (luar jangka)

Faedah adalah merujuk kepada sesuatu kelebihan, kebaikan dan hal positif. Impak dari penciptaan ini memberi faedah sampingan kepada anggota yang menjalankan kerja-kerja berkaitan penurunan kain iklan. Ini kerana produk yang lebih praktikal dan efisien memudahkan cara kerja dilapangan. Membantu menyelenggara ruang kerja dengan lebih efisien sekaligus mempengaruhi dan meningkatkan motivasi anggota itu sendiri.

Selain itu, faedah lain dapat dilihat pada sisi orang awam dan masyarakat. Mereka berasa berbaloi dan berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan. Selain itu, sekiranya pemasangan kain iklan haram dapat diatasi dengan cepat, maka ia akan dapat mengurangkan jumlah aduan diterima.

7. POTENSI PENGEMBANGAN INOVASI

7.1 Penilaian ketersediaan teknologi / sistem / proses

E-TEN telah membuat beberapa kali uji cuba ke atas produk ini sehingga mencapai tahap kesedian yang kukuh. Mementingkan keselamatan semasa penggunaan diutamakan meskipun ianya mudah dikendalikan. Setiap uji cuba dan proses yang dilakukan, dibincang bersama untuk membuat penambahbaikan bagi mencapai tahap produk yang terbaik.

Antaranya, penilaian dan uji cuba telah dibuat dilapangan bersama Unit Iklan yang bertanggungjawab ke atas masalah/ isu pemasangan kain iklan yang tidak mempunyai permit. Unit Iklan berpuas hati dengan penggunaan INOV22 kerana ia mempercepatkan proses kerja penggulungan kain iklan, menjimatkan masa dan ruang penyimpanan.

7.2 Tahap Replikasi atau Pengkomersialan

Dengan kelebihan yang ada pada produk INOV22 seperti mudah dibawa dan mudah dikendalikan (mesra pengguna) ianya boleh dikomersilkan ke peringkat yang lebih tinggi. Target pengguna tidak tertumpu kepada PBT sahaja malahan kepada komuniti dan Jawatankuasa Penduduk (JKP) setempat yang ingin membuat program gotong royong. Untuk jangka masa panjang, sekiranya produk kami diterima kami telah merancang sehingga ianya ke tahap replikasi atau pengkomersialan.

E-TEN bercadang untuk membuat lawatan ke PBT Negeri Selangor untuk memperkenalkan dan mempromosi produk INOV22.

Kumpulan E-TEN juga telah menerima jemputan dari pihak UiTM sempena Karnival Inovasi UCS 2023 pada 14 Januari, 2023 bertempat di UiTM Puncak Alam.



Gambar 10: Karnival Inovasi UCS 2023

8. KESIMPULAN

Kesimpulannya, inovasi yang dibangunkan ini diharap dapat memberi impak positif kepada Jabatan dan masyarakat setempat dalam penyampaian perkhidmatan selari dengan visi dan misi MPKS.

Laporan disediakan oleh :

(REGNAWATI BINTI MOELGO)

Ketua Kumpulan E-TEN

Jabatan Penguat kuasa

Majlis Perbandaran Kuala Selangor

Tarikh : 24 Mac 2023

No :


(Untuk Kegunaan Pejabat)



**BORANG PENYERTAAN MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN
AWAM PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2023**

LATAR BELAKANG KUMPULAN	
Nama Kumpulan	E-TEN
Nama Organisasi	MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR
Alamat	JALAN MAJLIS, 45000 KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN
No Telefon & Faks	03-3289 1439 & 03-3289 1011
E – Mel	filzah@mpks.gov.my / azrine@mpks.gov.my
Tarikh kumpulan ditubuhkan	01 MAC 2022
Bilangan ahli	10 AHLI
Nama Ketua Kumpulan	PUAN REGNAWATI BINTI MOLEGO
Nama Ahli	1. PUAN NUR AZRINE BINTI MOHD AZIZ 2. ENCIK SHAHRIL BIN TOMARAN 3. ENCIK ABDUL SAATAR BIN M. AMZAH 4. ENCIK MUHAMMAD SHAFIQ BIN DZULHANIF 5. ENCIK MUHAMMAD IZRAL BIN RAMLAN 6. ENCIK FAUZI BIN AZIAZAN 7. PUAN MAIZATUL ROHHA BINTI AHMAD 8. ENCIK ABDUL HALIM BIN SAIFULLAH 9. ENCIK AFIQ FAIS BIN MOHD FAIZAL
Nama Fasilitator (sekiranya ada)	PUAN NORFILZAH BINTI LATIF
Nama projek	INO22
Bidang inovasi	PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN
Kategori inovasi	PENCIPTAAN
Tarikh mula projek	15 MAC 2022
Tarikh siap projek	01 MEI 2022
PENGESAHAN KETUA JABATAN	
Pengesahan Ketua Jabatan / Agensi : i) Saya mengesahkan bahawa segala maklumat yang dikemukakan adalah benar dan projek ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu Inovasi pada..... ii) Projek ini telah dipertandingkan diperingkat jabatan pada 29 Disember 2022	

Tandatangan Ketua Jabatan / Agensi



Tarikh : 27/8/2020

Cop Jabatan / Agensi

MOHAMAD LUTFI BIN MISLAH HUDIN
Pengarah
Jabatan Penguatkuasa
Majlis Perbandaran Kuala Selangor

PENGESAHAN PANEL PENILAI (JIKA BERKAITAN)

Pengesahan

Panel :

Saya mengesahkan bahawa projek ini telah melalui proses penilaian pada..... dan memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Tandatangan Panel Penilai

.....
Nama :

No. Kad Pengenalan:

Jawatan/Gred:

Jabatan/Agensi:

No.Siri:

Tarikh:

MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR
MEMO ANTARA JABATAN / BAHAGIAN / UNIT

Rujukan: (30) dlm MDKS 353/92-7 PK

Tarikh : 24 Mac 2022
21 Syaaban 1443H

PERKARA	LANTIKAN SEBAGAI KETUA KUMPULAN INOVASI JABATAN PENGUATKUASA BAGI TAHUN 2022	
DARIPADA	Pengarah Penguatkuasa Jabatan Penguatkuasa	SALINAN: 1. Fail
KEPADA	Puan Regnawati binti Moelgo Pembantu Penguatkuasa KP22(TBK1)	

Salam sejahtera dan dengan segala hormatnya merujuk kepada di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, puan adalah dilantik sebagai Ketua Kumpulan Inovasi Jabatan Penguatkuasa bagi tahun 2022.


3. Sehubungan dengan itu, dengan pemilihan dan lantikan ini diharap puan dapat memberikan komitmen yang sewajarnya agar dapat menjana kecemerlangan di peringkat jabatan melalui pendekatan kreativiti.

Segala kerjasama dan perhatian yang sewajarnya daripada pihak puan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, dimaklumkan.

"SELANGOR MAJU BERSAMA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHAMAD LUTFI BIN MISLAH HUDIN)
nef/24.03.2022

MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR
MEMO ANTARA JABATAN/BAHAGIAN/UNIT

Rujukan : (31) dlm MDKS 353/92-7 PK

Tarikh : 25 Mac 2022

PERKARA	LANTIKAN SEBAGAI AHLI KUMPULAN INOVASI JABATAN PENGUATKUASA BAGI TAHUN 2022	
DARIPADA	Pengarah Penguatkuasa Jabatan Penguatkuasa	SALINAN: 1. Fail
KEPADA	Seperti Senarai Edaran	

Salam sejahtera dan dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, tuan/puan adalah dilantik sebagai ahli kumpulan Inovasi Jabatan Penguatkuasa bagi tahun 2022.

3. Sehubungan dengan itu, dengan pemilihan dan lantikan ini diharap tuan/puan dapat memberikan komitmen yang sewajarnya agar dapat menjana kecemerlangan di peringkat jabatan melalui pendekatan kreativiti.

Segala kerjasama dan perhatian yang sewajarnya daripada pihak tuan/puan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, dimaklumkan.

"SELANGOR MAJU BERSAMA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHAMAD LUTFI BIN MISLAH HUDIN)

SENARAI EDARAN;

1. Puan Norfilzah binti Latif (Fasilitator)
2. Pk. Regnawati binti Moelgo (Ketua Kumpulan)
3. Pk. Nur Azrine binti Mohd Aziz (Setiausaha)
4. Insp. Shahril bin Tomaran
5. Pk. Fauzi bin Aziazan
6. Pk. Abd. Saatar bin Mohamed Amzah
7. Pk. Muhammad Shafiq bin Dzulhanif
8. Pk. Muhammad Izral bin Ramlan
9. Pk. Maizatul Rohha binti Ahmad
10. Pk. Abd. Halim bin Saifullah
11. Pk. Afiq Fais bin Mohd Faizal

#KitaSelangor

Ruj.kami : (31) dlm.MPKS 100.1.3/2/3/2
Tarikh : 26 Ogos 2022
18 Muharram 1444H

Ketua Kumpulan E-Ten

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS)
Jalan Majlis,
45000 Kuala Selangor

(u.p. : Encik Mohamad Lutfi bin Misliah Hudin)

Tuan,

KELULUSAN PERMOHONAN MELAKSANAKAN PROJEK KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) BAGI KUMPULAN E-TEN

Salam Sejahtera dan dengan segala hormatnya merujuk kepada surat tuan nombor rujukan Bil (37) dlm. MDKS 353/92-7 PK bertarikh 18 Ogos 2022 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, pihak majlis **meluluskan** permohonan pelaksanaan kumpulan inovatif dan kreatif (KIK) yang diberi nama E-Ten beserta produk inovasi iaitu alat penggulung iklan (INO 22) yang dikemukakan mendapat hasil yang terbaik serta berjaya.

3. Sehubungan itu, pihak majlis mengucapkan tahniah atas penubuhan kumpulan KIK secara hybrid ini dan diharapkan kumpulan dapat memberikan sepenuh komitmen berinovasi serta menaikkan nama majlis.

Sekian, terima kasih.

“SELANGOR MAJU BERSAMA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(RAHILAH BINTI RAHMAT SMS, AMS,)
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kuala Selangor

KUALA SELANGOR INDAH DAN BERSEJARAH

(Sila catitkan rujukan kami apabila berhubung)



LAMPIRAN D

KAWALAN PELAKSANAAN PROJEK (KAEDAH CARTA PERBATUAN) INO22 ALAT PENGGULUNG IKLAN

PROSES	AKTIVITI	BULAN	MAC 2022	APRIL 2022	MEI 2022	JUN 2022	JULAI 2022	OGOS 2022	SEPT 2022	OKT 2022	NOV 2022	DEC 2022	JAN 2023	FEB 2023	MAC 2022	APRIL 2023	MEI 2023	JUN 2023
PLAN	PENUBUHAN KUMPULAN																	
	PELAN TINDAKAN PEMBAHAGIAN TUGAS																	
	PENYENARAIAAN MASALAH																	
	PEMILIHAN & PENJELASAN MASALAH																	
	ANALISIS PUNCA MASALAH, PENGUMPULAN& ANALISIS DATA																	
	CADANGAN PENYELESAIAN KREATIF																	
DO	UJIAN RINTIS & ANALISIS DATA																	
	PERSEMBAHAN PENGURUSAN																	
CHECK	PENILAIAN																	
	PERSEMBAHAN PENGURUSAN																	
	UKUR KEJAYAAN																	
ACT	PEMANTAUAN																	
	PENYERAGAMAN & TINDAKAN SUSULAN																	




PERANCANGAN



PELAKSANAAN

PERINCIAN PRODUK



1. Diameter produk : 60cm
 2. Panjang produk : 89cm
 3. Barrel : 60cm
 4. Kaki : 78cm
 5. Guide : 60cm
 6. Tinggi produk : 106cm
- *berat produk : 6.7kg

KOS PEMBUATAN

BIL	NAMA BARANGAN	KUANTITI	HARGA
1.	Speed Controller	1 Unit	RM 16
2.	Motor 12v	1 Unit	RM 45
3.	Bateri 12v	1 Unit	RM 50
4.	Pulley + Belting	1 Unit	RM 30
5.	Bearing	2 Unit	RM 24
6.	Rod Besi	1 Unit	RM 23
7.	Rangka Besi Plat	1 Unit	RM 32.40
8.	Jaring BRC (Dawai Rangka)	1 Unit	Bahan Kitar Semula
9.	Zink (Scale)	1 Unit	Bahan Kitar Semula
10.	Besi Holo (Kaki Produk)	1 Unit	Bahan Kitar Semula
JUMLAH			RM 220.40

MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR
MEMO ANTARA JABATAN / BAHAGIAN / UNIT

Rujukan: (15) dlm MPKS 100.353/50/1-4 PK JLD.35

Tarikh: 9 Mac 2023
Ramadhan 1444H

Perkara	MEMOHON KEBENARAN UNTUK MEMASANG BRACKET BAGI PRODUK INO22 PADA LORI TAIL LIFT UNIT IKLAN, JABATAN PENGUAT KUASA	
Daripada	Pengarah, Jabatan Penguatkuasa	Salinan: 1.
Kepada	Ketua Kumpulan E-TEN	


Dengan segala hormatnya, lanjutan surat tuan Bil.(39)dlm.MPKS 100.353/92-7 PK bertarikh 6 Mac 2023 adalah berkaitan kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan pihak Jabatan tiada halangan dan menyokong bagi cadangan memasang produk INO22 pada lori tail lift Unit Iklan.


Sekian, terima kasih.

"SELANGOR MAJU BERSAMA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


Saya yang menjalankan amanah,


(MOHAMAD LUTFI BIN MISLAH HUDIN)


S1 ADAKAH ANDA MENURUNKAN KAIN RENTANG, GEGANTUNG DAN IKLAN SETIAP HARI ?




S2 ADAKAH IKLAN YANG DITURUNKAN SETIAP HARI DALAM JUMLAH YANG BANYAK ?




S3 ADAKAH IKLAN-IKLAN YANG DITURUNKAN MEMENUHI RUANG KERJA DI DALAM LORI PADA SATU-SATU MASA ?




S4 ADAKAH ANDA MENGHADAPI KESUKARAN DALAM MENGURUSKAN IKLAN-IKLAN YANG TELAH DITURUNKAN?




S5 ADAKAH IA MEMERLUKAN TENAGA YANG BANYAK UNTUK MENYELENGGARA DAN
MENYUSUN IKLAN-IKLAN TERSEBUT?



S6 ADAKAH IA MELIBATKAN WAKTU KERJA LEBIH MASA?



S7 DALAM PROSES TUNTUTAN IKLAN, ADAKAH ANDA MENGHADAPI KESUKARAN UNTUK
MENCARI IKLAN YANG DI SIMPAN DI DALAM LORI ?



S8 SECARA KESELURUHAN, ADAKAH ANDA BERPUAS HATI DENGAN CARA KERJA ANDA
MENYELENGGARA RUANG KERJA DAN IKLAN-IKLAN YANG DITURUNKAN?

